



Ruj. Kami: JPV/PS TT/100-3/1/19

Tarikh : 8 April 2016

Pengerusi
Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia
No. 93A, Jalan SS15/5A,
47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia.
(u.p : Dr.Rahmat Bt S.M Sherif)

Tuan,

JEMPUTAN SEMINAR AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Akta Makanan Haiwan 2009 adalah satu akta yang telah diluluskan di parlimen pada 1 Januari 2010 dan telah dikuatkuasakan penggunaannya bermula 29 September 2012 Di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Akta ini pada dasarnya akan mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan haiwan. Ia bertujuan untuk memastikan makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien, tidak memudaratkan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk kegunaan lain dan perkara-perkara lain yang berkesampingan dengannya.

3. Selaku urusetia Lembaga Makanan Haiwan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, adalah menjadi tanggungjawab kami memberi kesedaran berkaitan penguatkuasaan Akta Makanan Haiwan 2009 kepada orang awam. Sehubungan itu, satu Seminar Akta Makanan haiwan 2009 khas kepada *home mixer* babi di bawah seliaan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 25 Mei 2016
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
**Tempat : Bilik Tayangan MOA,
Aras 4, Blok Podium 4G1, 1B,
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani,
42430 Presint 4,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.**
Agenda : Lampiran A

4. Diharap pihak tuan dapat menyelaras jemputan penternak babi yang menjalankan perumusan makanan untuk ternakan sendiri (*home mixer*) di bawah seliaan FLFAM untuk hadir ke sesi seminar yang dianjurkan oleh pihak kami. Dimohon juga supaya pihak Tuan sertakan senarai kehadiran peserta seminar kepada pihak kami sebelum **18 Mei 2016** melalui emel iaitu mastura@dvs.gov.my atau faks kepada 03-8888 5631 sebagai persediaan seminar yang bakal dijalankan.

5. Kehadiran dan kerjasama daripada pihak Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR. AZIAH BT ABDUL @ ABD. AZIZ)

Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
b.p Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan
Jabatan Perkhidmatan veterinar
Putrajaya,
Malaysia

- sk
- | | | |
|--|---|--|
| 1. Pengarah Bahagian Penguatkuasa | } | Tuan dijemput hadir |
| 2. Ketua Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam | | |
| 3. Ketua Seksyen Babi | | |
| 4. Dr. Noorazrena Binti Abdul Aziz | } | Tuan dijemput hadir sebagai penceramah |
| 5. Dr. Ana Maria Binti Abd Rahim | | |
| 6. Dr. Wan Aini Binti Wan Mahamood | | |

Agenda

Bil.	Masa	Aktiviti
1.	8.30 pagi – 9.00 pagi	Pendaftaran dan Minum pagi
2.	9.00 pagi – 9.15 pagi	Ucapan Alu-aluan Oleh Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
3.	9.15 pagi – 9.30 pagi	Ucapan Alu-aluan Oleh Wakil FLFAM
4.	9.30 pagi – 10.30 pagi	Sesi 1 : Tajuk : Akta Makanan Haiwan 2009 Penceramah : Dr. Noorazrena Binti Abdul Aziz
5.	10.30 pagi – 11.30 pagi	Sesi 2 : Tajuk : Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan 2012 Penceramah : Dr. Wan Aini Binti Wan Mahamood
6.	11.30 pagi – 12.30 tengah hari	Sesi 3 : Tajuk :Tatacara permohonan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 Penceramah : Dr. Ana Maria Binti Abd Rahim
7.	12.30 tengah hari – 02.30 petang	Makan Tengah Hari
8.	02.30 petang –5.00 petang	Sesi 4: Tajuk : Pengenalan dan penggunaan Sistem Akta Makanan Haiwan 2009 Penceramah : Dr. Ana Maria Binti Abd Rahim
9.	5.00 petang	Minum Petang dan Bersurai